

23 SEP 1998

AGONG UCAP TAHNIAH KEPADA AL-MALIK FAHD

KUALA LUMPUR, 23 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini mengutuskan ucapan tahniah kepada Al-Malik Fahd sempena Hari Kebangsaan Arab Saudi.

Menerusi kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Luar di sini, Tuanku Ja'afar berdoa agar Arab Saudi terus menikmati kemajuan dan kemakmuran serta berharap hubungan persahabatan dan kerjasama erat antara kedua-dua negara terus terjalin.

Dalam perutusan yang serupa kepada Al-Malik Fahd, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berharap rakyat Arab Saudi akan terus dianugerahkan dengan keamanan dan kemakmuran di bawah pemerintahan baginda.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula menghantar perutusan yang serupa kepada rakan sejawatannya, Putera Saud.

Abdullah berkata beliau yakin melalui peningkatan kerjasama dalam semua bidang, hubungan persaudaraan antara kedua-dua negara akan terus berkembang.

--BERNAMA

NZ oba